



فجابه فغارہ تانہ دان كالين ترغكانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax. : 09-6229887  
3100 – 3115



**PTG.TR. G/051988/06/03 – (17)**

**03 Z'kaedah 1423.  
06 Januari 2003.**

Pentadbir Tanah  
Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah  
Kemaman.

Pentadbir Tanah  
Dungun.

Pentadbir Tanah  
Besut.

Pentadbir Tanah  
Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah  
Marang.

Pentadbir Tanah  
Setiu.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 01/2003**

**TATACARA ALIRAN KERJA-KERJA PENGUATKUASAAN  
DI BAWAH SEKSYEN 426 KTN, 1965 (PINDAAN) 2001**

**1. TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan menyeragam penggunaan borang-borang serta dokumen-dokumen berkaitan mengenai aliran kerja-kerja penguatkuasaan di bawah seksyen 426 KTN, 1965 (Pindaan) 2001 yang diamalkan oleh Pentadbir-pentadbir Tanah.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

Dihantar pada **07 JAN 2003**

Tandatangan .....  
Kerani Kaunter/Despatch  
Pejabat Pengarah Tanah  
& Galian Trg.

2. **LATARBELAKANG:**

- 2.1. Adalah didapati berbagai bentuk borang-borang serta dokumen-dokumen yang digunakan oleh Pentadbir-pentadbir Tanah semasa memproses urusan berkaitan penguatkuasaan khususnya dari segi penggunaan borang-borang serta dokumen-dokumen mengenai permohonan pengalihan bahan batuan.
- 2.2. Mesyuarat Pentadbir-pentadbir Tanah Negeri Terengganu yang diadakan pada 20 Ogos 2002 telah bersetuju menerima pakai tatacara aliran kerja-kerja penguatkuasaan ini.

3. **TATACARA PENGUATKUASAAN:**

- 3.1. Tatacara aliran kerja-kerja penguatkuasaan di bawah seksyen 426 KTN, 1965 (Pindaan) 2001 ini bertujuan menyeragam penggunaan borang-borang serta dokumen-dokumen di peringkat Pejabat Tanah untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan permohonan pengalihan bahan batuan.
- .... 3.2. Bersama ini disertakan ***tiga keping disket*** yang mengandungi contoh borang-borang serta dokumen-dokumen berkaitan penguatkuasaan bagi perhatian dan tindakan tuan.

4. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Tatacara aliran kerja-kerja penguatkuasaan di bawah seksyen 426 KTN, 1965 (Pindaan) 2001 ini telah dipersetujui digunapakai berkuat kuasa serta merta. Semua penggunaan borang-borang serta dokumen-dokumen berkaitan penguatkuasaan selain yang dinyatakan dalam arahan di atas hendaklah dihentikan.

Sekian, terima kasih.

**“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”**

Saya yang menurut perintah,



( DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR )  
Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan  
Terengganu.

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian;  
Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian;  
Pegawai Sistem Maklumat;  
Pegawai Kanan Petempatan;  
Semua Pegawai Eksekutif;  
Pegawai Petempatan Kanan (Penguatkuasaan);  
Pembantu Tadbir (Penguatkuasaan/Tanah Permastautin Tanpa Hak);

Fail Timbul.

MBM/nh:HKY-4:s-tatacara  
8.58 pg. / 06012003